

# Majlis kesyukuran perkahwinan Abdullah-Jeanne

Um - 15/6/2007

KEPALA BATAS 14 Jun - Lebih 5,000 penduduk sekitar daerah ini akan membanjiri pekarangan Masjid Jamiul Badawi di sini esok, bagi meraikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri dalam majlis kesyukuran sempena perkahwinan mereka Sabtu lalu.

Pengerusi Kariah Masjid Jamiul Badawi, Datuk Arshad Zakaria berkata, persiapan akhir bagi menyambut ketibaan Perdana Menteri bersama isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah termasuk mendirikan empat khemah besar berhampiran masjid, berjalan lancar.

Beliau berkata, sebanyak tiga ekor lembu dikorbankan sempena majlis kesyukuran dan doa selamat itu yang akan diadakan sejurus selepas solat Jumaat.

"Alhamdulillah, semuanya berjalan lancar, khemah sudah didirikan, meja tetamu juga sudah siap diatur dan tiga lembu untuk majlis itu juga sudah disembelih pagi tadi.

"Majlis tahlil serta doa selamat bersama Pak Lah dan para jemaah akan diadakan selepas solat Jumaat diikuti majlis keraian

bersama rakyat di pekarangan masjid," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Abdullah yang juga Ahli Parlimen Kepala Batas diijabkabulkan dengan Jeanne di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perda-

na, Sabtu lalu dengan dihadiri oleh anggota keluarga terdekat.

Arshad berkata, pihaknya juga menyediakan lebih 2,500 bunga telur yang akan diisi dalam beg cenderamata tertera wajah Abdullah dan Jeanne untuk diberikan ke-

pada para tetamu.

Di samping itu, katanya, lebih 600 naskhah surah Yasin juga akan diedarkan kepada para jemaah pada majlis kesyukuran dan doa selamat itu.

"Jadi, orang ramai dijemput hadir untuk

sama-sama meraikan dan mendoakan kebahagiaan Abdullah dan isteri," katanya.

Arshad berkata, pihaknya amat bersyukur kerana mendapat sumbangan beberapa individu dan syarikat korporat sekitar sini yang menaja penganjuran majlis tersebut.